



Aspek Gaya Bahasa dalam Teks Sastera Melayu Berunsur Islam

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR

This article discusses language style in the domain of Islamic literary text, focusing on the novel 'Mereka Yang Tertewas' by Hasanuddin Md. Isa (1988). The analysis is based on Shahnun Ahmad's (1991) Islamic text guides that include: clarity of the text (no ambiguity), precise use of language, and appropriate narrative technique. Language style in this context refers to the specific linguistic characteristics of the studied text. In other words, this study is an attempt to describe the language of Islamic text using linguistic description, especially the lexical and grammatical categories, and the figures of speech. The analysis will contribute to the general understanding of theory of Islamic literary text, particularly within the Malay context.

PENDAHULUAN

Makalah ini mencuba untuk menghubungkan antara aspek gaya bahasa dengan konsep sastera Islam. Hubungan ini boleh diperlihatkan melalui analisis stilistik, iaitu kajian tentang gaya (dari segi linguistik) yang dapat menggambarkan penggunaan bahasa dalam sesuatu teks sastera (Leech & Short 1991: 13). Cebisan teks sastera yang dipilih adalah karya Hasanuddin Md. Isa yang bertajuk *Mereka yang Tertewas*. Teks ini pernah memenangi Hadiah Penghargaan Sayembara Hadiah Sastera Berunsur Islam. Bersesuaian dengan pengiktirafannya sebagai sebuah teks yang berunsur Islam, maka makalah ini akan membicarakan pelbagai kategori linguistik dan stilistik, yang akan dihubungkan pula dengan makna unsur bahasa yang 'berunsur Islam' yang terdapat dalam teks tersebut. Dengan cara ini makalah ini berharap dapat menyerlahkan gaya bahasa berunsur Islam dalam teks sastera Melayu.

KONSEP KARYA BERUNSUR ISLAM

Dalam membicarakan tentang konsep sastera yang berkait dengan Islam, Nurazmi Kuntum (1991:13) ada mengkategorikannya kepada dua, iaitu sastera Melayu berunsur Islam dan sastera Islam. Sastera Melayu berunsur Islam merujuk kepada sebarang karya yang berkaitan dengan Islam serta ditulis oleh orang Islam. Sastera Islam pula berhubung dengan nilai-nilai Islam yang selaras dengan ajaran

Islam yang sebenar. Dari segi praktis, sastera berunsur Islam lebih banyak dihasilkan kerana konsepnya yang lebih luas.

Konsep tentang sastera Islam ini pernah menimbulkan polemik dalam kalangan sasterawan di Malaysia, khususnya pada sekitar tahun 70-an. Makalah ini, bagaimanapun, tidak berhasrat untuk membincangkannya secara tuntas kerana yang ingin diserlahkan ialah bagaimana penggunaan bahasa dalam sesuatu karya itu dapat dikategorikan sebagai sastera yang berunsur Islam. Shahnnon Ahmad (dalam Nurazmi Kuntum 1991: 211) telah menekankan tiga garis asas bagi menentukan karya sastera Islam:

1. Sastera Islam bukanlah hasil karya yang kabur kerana Islam menentang sebarang kekaburan dan ambiguiti.
2. Penggunaan bahasa pula hendaklah mudah supaya maksudnya tepat dan tidak keliru.
3. Teknik penceritaan tidak harus melampau atau berlebih-lebih kerana dalam Islam ia lebih membawa kemudharatan daripada kebaikan.

Beberapa garis asas di atas dapat dipermudahkan, iaitu sastera Islam haruslah jelas amanatnya, menggunakan bahasa yang mudah, dan tidak melampau dari segi penceritaan, misalnya, tidak menggunakan teknik hiperbola yang melampau. Dalam erti kata lain, sastera Islam meletakkan amanat (mesej) pengarang sebagai aspek yang terpenting, selain aspek gaya bahasa dan gaya penceritaan, memperlihatkan ciri teks sastera Melayu yang berunsur Islam.

KATEGORI LINGUISTIK DAN STILISTIK

Kategori linguistik dan stilistik dalam makalah ini tertumpu kepada aspek leksikal, gramatikal dan bahasa kiasan (*figures of speech*). Aspek leksikal merujuk kepada perkataan. Sebagai contoh, melalui pengamatan saya terhadap teks yang dikaji, pengarang cenderung menggunakan kata adjektif dan kata nama yang tertentu, misalnya, *fasik* dan *Islam*. Penggunaan kata seperti ini mempunyai maksud yang tertentu - berunsur Islam - yang akan disertakan komponen maknanya yang sesuai, misalnya, [- patuh] dan [+ agama]. Aspek gramatikal pula merujuk kepada struktur ayat yang digunakan oleh pengarang. Manakala bahasa kiasan membicarakan unsur bahasa yang bersifat metafora. Pelbagai kategori linguistik dan stilistik yang digunakan dalam makalah ini merupakan kerangka analisis yang sistematik dan pernah diterapkan dalam kajian terhadap teks sastera Inggeris, misalnya, Leech & Short (1991) dan juga teks sastera Melayu, misalnya, Mohamad Fadzeli Jaafar (2001). Kerangka ini juga lebih menekankan bukti linguistik teks yang berguna sebagai pengukuhan terhadap sesuatu interpretasi. Secara

sederhana, analisis seperti ini sebenarnya dapat menghubungkan maklumat linguistik dengan makna teks, yang akhirnya dapat membantu pembaca memahami sesuatu teks dengan lebih baik.

Rajah I berikut mungkin dapat memperjelas hubungan antara maklumat linguistik dengan makna teks.



Rajah 1

Rajah 1 di atas memperlihatkan hubungan antara teks, mesej dan kesan. Teks di sini bermaksud bahan atau karya (dalam konteks ini karya sastera). Bahan merupakan hasil penulisan seseorang sama ada dalam bentuk puisi atau prosa. Bahan ini kemudiannya akan dianalisis dari pelbagai aspek, misalnya, gaya bahasa. Salah satu cara menganalisis aspek gaya bahasa ialah analisis stilistik. Melalui analisis stilistik, maka seorang pengkaji akan dapat mencungkil makna (mesej) yang terdapat dalam teks yang dikaji.

Dalam konteks mengkaji sastera berunsur Islam, memahami mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang merupakan aspek yang penting, iaitu sebagaimana yang pernah disuarakan oleh Shafie Abu Bakar (1981: 12).

Pada pokoknya di dalam penterapan nilai-nilai Islam, soal kandungan-isi yang menjadi mesej sesuatu penulisan itu merupakan soal yang penting. Darinya dapat diukur sejauhmanakah mampu atau tidaknya penterapan nilai-nilai keislaman dapat dilakukan.

Saya percaya, untuk memahami mesej dalam sesebuah teks, aspek kebahasaanlah yang perlu diberi perhatian, khususnya teks yang berkait dengan Islam. Analisis aspek kebahasaan yang sistematik terhadap sesuatu teks akan dapat menyerlahkan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang; selain dapat pula menghubungkan deskripsi linguistik dengan interpretasi secara lebih eksplisit (Short 1996: 5).

ANALISIS DATA

Analisis dalam makalah ini bersifat empirik kerana perbincangan berdasarkan data yang terdapat dalam teks. Cebisan teks yang dipilih ialah Bab 1 dalam novel *Mereka yang Tertewas*. Bab 1 ini dianggap penting kerana bab ini berfungsi sebagai pemula cerita yang akan memberi gambaran tentang bab yang selanjutnya. Bab 1 ini juga akan dijadikan sebagai contoh bahan berunsur Islam

yang dapat menggambarkan keseluruhan teks tersebut.

Seterusnya untuk memudahkan perbincangan, cebisan teks ini telah dianalisis secara perenggan demi perenggan, dan ayat demi ayat. Contohnya:

- (1) 1.1 Kedatangan pagi
- 1.2 Kabus tetap akan menerjah ke langit.

Contoh (1) di atas memperlihatkan angka 1.1 dan 1.2, yang bermaksud bilangan perenggan dan ayat. Secara keseluruhannya, Bab 1 ini mempunyai 7 perenggan dan 36 ayat (sila lihat Lampiran 1). Setiap perkataan dan ayat yang terdapat dalam teks ini akan dikelompokkan mengikut kategori leksikal, grammatikal, dan bahasa kiasan.

Bagaimanapun unsur bahasa yang difokuskan hanyalah yang berunsur Islam. Misalnya:

- (2) 5.1 Pada sebuah *surau* yang dibina di atas nama gotong royong, berdiri *mukmin*, *fasik*, *munafik*, *fasik*, *munafik*, *zalim*, *zindik* dan segala manusia yang mengaku dirinya *beriman*.

Berdasarkan contoh (2) di atas, terdapat sejumlah perkataan yang ditalikkan, iaitu *surau*, *mukmin*, *fasik*, *munafik*, *zalim*, *zindik* dan *beriman*. Kesemua perkataan ini kecuali *beriman* dan *mukmin* ialah kata adjektif. Perkataan ini berunsur Islam kerana *surau* merujuk kepada tempat orang Islam menunaikan ibadah solat. Perkataan *mukmin* pula merujuk kepada orang Islam yang baik dan beriman. Perkataan lain seperti *fasik*, *munafik*, *zalim* dan *zindik* lebih merujuk kepada golongan manusia yang ingkar kepada perintah tuhan. Perbincangan yang berikut akan memperincikan setiap unsur bahasa tersebut berserta komponen semantik masing-masing.

INTERPRETASI TEKS

Makalah ini akan mengemukakan terlebih dahulu interpretasi teks secara perenggan demi perenggan. Seterusnya, analisis kategori linguistik dan stilistik akan dilakukan pada perenggan tertentu yang memperlihatkan unsur bahasa yang berunsur Islam. Pada bahagian terakhir, kajian ini akan merumuskan gaya teks berunsur Islam, berdasarkan kriteria yang telah dicadangkan oleh Shanon Ahmad.

Dalam perenggan 1, pengarang cuba menggambarkan dengan terperinci tentang suasana kedatangan waktu pagi. Embun telah dipertentangkan dengan cahaya matahari yang sentiasa menang dalam pertarungan itu. Ini merupakan

contoh qadak dan qadar Tuhan yang akan kekal selamanya. Perenggan 2 pula memperkenalkan nama tempat, iaitu Kampung Bukit Setugal. Dijelaskan bahawa disinilah penduduknya berlindung dan bertani.

Seterusnya dalam perenggan ketiga pengarang memilih subjek sungai, iaitu Sungai Cheneor yang menjadi nadi kepada penduduk di Bukit Setugal. Perenggan keempat pula memilih topik jangka masa Kampung Bukit Setugal diwujudkan, iaitu selama 40 tahun. Tempoh yang agak lama ini telah menyaksikan pelbagai peristiwa suka duka penghuninya.

Masih berkisar pada tempat, kini surau pula yang menjadi subjek dalam perenggan kelima, iaitu tempat berkumpulnya pelbagai jenis manusia atas nama Islam. Perincian tentang surau ini dijelaskan dalam perenggan keenam. Diulang-ulang pernyataan bahawa surau itu telah lama wujud dan harus diganti kerana keuzurannya. Bagaimanapun surau ini semakin dilupai. Ini memberi gambaran bahawa penduduk di Bukit Setugal semakin jauh daripada Tuhan.

Perenggan yang terakhir dalam Bab 1 ini menjelaskan bahawa kealpaan manusia terhadap Tuhan adalah sebahagian daripada kehidupan. Semua ini adalah ujian keimanan, iaitu yang membezakan antara manusia yang mukmin dan sebaliknya.

ASPEK LEKSIKAL

Sebagai sebuah teks sastera yang berunsur Islam memang sudah dijangkakan teks kajian ini mengandungi sejumlah kata yang berkaitan dengan Islam. Misalnya, kata adjektif yang berikut berfungsi untuk memberi gambaran tentang sifat manusia:

- (3) fasik (5.1) (7.7)
- (4) munafik (2.7) (5.1) (7.7)
- (5) zalim (3.7) (5.1) (7.7)
- (6) zindik (5.1)
- (7) kafir (3.7) (7.7)

Kesemua perkataan di atas mempunyai maksud yang negatif. Perkataan *fasik* dirujuk kepada golongan yang tidak mempedulikan perintah Allah. Komponen makna bagi *fasik* ialah [- patuh], yakni tidak patuh kepada suruhan Allah. Kata *munafik* pula ialah golongan yang berpura-pura percaya kepada Islam (bermuka dua), dengan komponen makna [- percaya]. Kata *zalim* lebih umum sifatnya kerana kata ini dirujuk kepada golongan yang tidak berperikemanusiaan dan tidak adil, iaitu [- adil]. Bagaimanapun kata *zalim* ini boleh dikategorikan sebagai berunsur Islam kerana sifat ini bertentangan dengan ajaran Islam. Sementara perkataan *zindik* dirujuk kepada golongan yang telah

terpesong atau orang yang sesat, dengan komponen makna [+sesat]. Dan yang terakhir, *kafir* [- Islam] dilabelkan kepada golongan yang tidak percaya kepada Allah dan rasul-Nya, yakni ditujukan khusus kepada orang bukan Islam. Penggunaan perkataan yang berunsur negatif ini amat sesuai dengan maksud teks dan telah disusun mengikut tatatingkatnya, iaitu bermula daripada golongan yang fasik (tidak patuh) sehinggalah yang kafir (bukan Islam).

Seterusnya, terdapat juga perkataan yang berlawanan dengan sifat yang di atas, iaitu mempunyai maksud yang positif:

- (8) mukmin (5.1)(7.7)
- (9) mulia (3.7)

Kata nama *mukmin* merujuk kepada golongan yang percaya kepada Allah, yakni golongan yang beriman. Sementara kata adjektif *mulia* [+baik] bermaksud golongan yang tinggi kedudukannya, dan dalam konteks Islam, golongan ini mempunyai kedudukan yang istimewa di sisi Allah. Perbandingan di antara sifat positif, misalnya *mukmin* dan *mulia* dengan sifat negatif, misalnya, *fasik*, *munafik*, *zalim* dan *zindik* bertujuan untuk memberi gambaran kepada pembaca bahawa terdapat pelbagai jenis manusia tinggal di Bukit Setugal. Dan sudah tentu kebanyakannya adalah jenis yang tidak mematuhi perintah Allah, [- iman].

Selain, itu ada juga digunakan kata nama yang khusus merujuk kepada orang yang beragama Islam, iaitu *Muslim* (3.7) [+Islam]. Pengarang menggunakan huruf besar untuk 'M', yang menjadikannya seperti nama khas. Di sini, pengarang membezakan antara menjadi seorang 'Muslim' dengan nama khas *Islam*. Menjadi seorang 'Muslim' bermaksud mematuhi perintah Allah - seorang Islam yang sejati, sedangkan *Islam* hanya merujuk kepada agama atau [+agama].

Bagi nama am yang mempunyai komponen makna [+ tempat] pula diulang sebanyak 4 kali, iaitu *surau* (6.1) (6.2) (6.3) (6.5) dan *masjid* digunakan sekali (6.2). Penggunaan kedua-dua kata nama tempat ini mudah diinterpretasi kerana merujuk kepada tempat orang Islam berkumpul atau berjemaah untuk melakukan ibadah. Pengulangan kata *surau* sebanyak 4 kali bertujuan untuk memberi penegasan tentang keadaan surau tersebut yang sangat usang.

Kategori nama lain yang berunsur Islam yang digunakan oleh pengarang tergambar dalam contoh ayat yang berikut:

- (10) Sejak akhir-akhir ini kesunyian lebih banyak menemani surau tua itu daripada keriuhan *takbir*, *tahmid* dan *tasbih* ke hadrat Allah. (6.5).

Takbir bermaksud kalimat "Allah akbar" yang dilafazkan secara berulang-ulang untuk memuliakan Allah. *Tahmid* pula merujuk kepada zikir, iaitu

ucapan “alhamdulillah” secara berulang-ulang. Dan *tasbih* ialah doa puji-pujian kepada Allah, iaitu dengan lafaz “subhanallah”. Kesemua perkataan ini tidak dihubungkan dengan lakuan atau perbuatan kerana tiadanya awalan, misalnya beR- dan berkongsi komponen makna [+ zikir]. Dalam erti kata lain, tiada watak tertentu yang melakukan proses zikir tersebut.

Yang menariknya dalam contoh (10) tersebut, pengarang telah menggunakan perkataan yang bertentangan dari segi makna, iaitu *kesunyian* [- ada] dan *keriuhan* [+ ada]. Surau tua itu digambarkan sunyi sejak kebelakangan ini, iaitu tiada pengunjungnya berbanding dengan sebelumnya ‘riuh’, iaitu suara orang ramai yang memuji Allah melalui takbir, tahmid dan tasbih. Perbandingan seperti ini dapat meninggalkan kesan kepada pembaca bahawa manusia di Bukit Setugal semakin lupa kepada Allah.

Nama khas yang berkait secara langsung dengan agama Islam ialah kata *Islam* (5.2) dan *Jumaat* (5.3), iaitu hari bersolat secara berjemaah pada waktu Zohor di masjid. Nama khas *Allah* (6.5) pula digunakan sekali sahaja berbanding dengan nama am *tuhan* yang digunakan sebanyak 4 kali. Hal ini tidaklah menghairankan kerana *Allah* dan *tuhan* mempunyai makna yang sama. Buktinya ialah perkataan *tuhan* ditulis seperti nama khas, iaitu *qadak* dan *qadar Tuhan* (1.5) dan *anugerah Tuhan* (4.4) dengan tujuan untuk menyamakannya dengan *Allah*. Selain itu, terdapat juga nama khas yang mempunyai komponen [+ peristiwa], iaitu *maulidar-Rasul s.a.w.* dan *Asyura* (6.4). Peristiwa *maulidar-Rasul s.a.w.* ialah ulang tahun hari keputeraan Rasulullah s.a.w., iaitu pada 12 Rabiulawal, *Asyura* ialah perayaan mengingati kejayaan Nabi Nuh a.s. berlabuh di Bukit Judi atau perayaan mengingati kematian Sayidina Husain r.a. di Karbala. Tujuan merayakan dan mengingati hari Asyura ini bertujuan untuk memberi keinsafan kepada manusia, selain dapat pula berkumpul bersama-sama. Dalam karya ini, pengarang menggunakan peristiwa maulidar-Rasul s.a.w. dan Asyura untuk menjelaskan bahawa kini tidak ramai manusia di Bukit Setugal yang menyambut peristiwa tersebut di surau. Sesungguhnya penggunaan pelbagai nama khas ini dapat menyerlahkan lagi mesej berunsur Islam dalam teks ini.

ASPEK GRAMATIKAL

Aspek berunsur Islam sudah wujud seawal perenggan satu (1.5), iaitu tentang *qadak* dan *qadar* tuhan yang telah menetapkan bahawa embun tetap akan kalah dengan kekuatan cahaya matahari. Dalam perenggan yang lain, pengarang telah menggunakan ayat majmuk yang panjang untuk melonggokkan pelbagai maklumat yang berunsur Islam, iaitu:

- (11) Tetap juga ia menerima manusia-manusia yang mulia, yang berdosa, yang zalim, yang munafik, yang Muslim dan yang kafir membuang sisa-sisa badan mereka ke dalam aliran airnya yang ganas itu. (3.7)
- (12) Pada sebuah surau yang dibina di atas nama gotong-royong berdiri para mukmin, fasik, munafik, zalim, zindin dan segala manusia yang mengaku dirinya beriman. (5.1)
- (13) Tuhan tetap mengasingkan perjuangan manusia mukmin, fasik, zalim, munafik dan perjuangan manusia kafir dalam menempuh perjalanan hidup mereka (7.7).

Bagi contoh ayat (11) di atas, unsur relatif yang digunakan sebagai frasa keterangan kepada objek manusia, iaitu *yang mulia, yang zalim, yang munafik, yang Muslim* dan *yang kafir*. Unsur *ia* dalam konteks ini merujuk kepada sungai [-bernyawa]. Sebagai subjek yang tidak bernyawa, sungai ini tidak mampu membezakan di antara manusia yang mulia dengan sebaliknya. Oleh sebab itu, sungai tersebut tetap akan menerima berbagai-bagai jenis manusia yang ingin menyucikan diri masing-masing. Berhubung penggunaan subjek *sungai* dalam teks sastera berunsur Islam, Ahmad Kamal Abdullah (1989: 155) berpendapat bahawa *sungai* berfungsi sebagai perlambangan bagi memuakan dahaga kerohanian insan, iaitu dengan menyucikan diri daripada sifat-sifat yang keji dan palsu.

Kekompleksan ayat (12) dan (13) pula kerana pelonggokan kata nama dan kata sifat yang memberi gambaran tentang pelbagai jenis manusia. Ayat (12) merujuk kepada perkumpulan manusia yang beriman dan tidak beriman “berdiri” (menunaikan solat) dalam surau itu. Ayat (13) pula memisahkan perjuangan golongan ini di sisi Tuhan. Yang menariknya, perjuangan manusia mukmin, fasik zalim dan munafik telah dibezakan dengan perjuangan manusia kafir. Seperti yang telah dijelaskan di atas, kesemua golongan mukmin, fasik, zalim dan munafik ini beragama Islam. Cuma golongan fasik, zalim dan munafik mempunyai komponen makna [- iman], yakni manusia yang tidak mematuhi perintah Allah. Golongan kafir pula berbeza kerana mereka tidak percaya kepada Allah atau kepada agama Islam [- Islam]. Oleh sebab itulah, perjuangan mereka harus dibezakan.

Selanjutnya terdapat pengulangan frasa kata kerja yang berhubungan dengan sifat Tuhan: *tetap berkuasa* (7.5), *tetap meletakkan* (7.6), *tetap mengasingkan* (7.7). Pengulangan kata tetap sebelum setiap kata kerja ini menunjukkan sifat Allah yang maha agung dan adil terhadap hamba-Nya. Kata kerja *mengaku* (5.1 dan 7.4) dirujuk kepada sifat manusia yang berpura-pura beriman kepada Allah. Perbuatan *mengakun* beriman ini, bagaimanapun dapat

dipertentangkan dengan sifat Allah [+ tahu, yakni lebih mengetahui hati budi makhluk-Nya.

BAHASA KIASAN

Terdapat agak banyak metafora dan parallelisme dalam teks kajian ini. penggunaan metafora berperanan sebagai ironi. Misalnya:

- (14) ...,kelazatan dunia... (4.4)
- (15) ...kesunyian lebih banyak menemani surau itu... (6.5)

Dalam contoh (14) di atas, diironikan sebagai lazat, iaitu dipenuhi dengan pelbagai nikmat yang boleh mengalpakan manusia daripada mengingati Tuhan. Semua nikmat ini harus dianggap sebagai anugerah Tuhan untuk menguji keimanan manusia. Kata *kesunyian* dalam ayat (15) pula dirujuk kepada surau yang digambarkan seperti bernyawa. Ironinya kesunyian surau ditujukan kepada manusia yang sudah lupa kepada Tuhan.

Sebagai bab yang berfungsi untuk memulakan cerita dan memberi gambaran tentang suasana, unsur parallelisme memang sudah diduga. Misalnya:

- (16) Surau itu telah uzur! (6.1)
- (17) ...surau tua itu. (6.2)
- (18) Surau tua itu sudah uzur! (6.3)
- (19) ...surau tua itu... (6.5)

Penggunaan tanda seruan ‘!’ dalam contoh ayat (16) dan (18) menandakan bahawa pengarang menggunakan unsur emosi. Kesannya amat ketara kerana pembaca dijemput bersimpati dengan keadaan surau yang telah ‘uzur’ [+ lama]. Ironinya surau ini harus diganti dengan yang baru dan peranannya harus juga dipertingkat, iaitu sebagai tempat manusia berkumpul untuk beribadah. Pengulangan frasa nama *suara tua itu* dalam contoh (17) dan (19) juga mempunyai maksud yang sama dengan ‘uzur’, iaitu berfungsi untuk memberi penegasan tentang keadaan surau tersebut, dan perlu diganti dengan yang baru.

Pengarang juga sengaja mengulang perkataan *berkumpul* dan *berpisah*, iaitu dalam contoh yang berikut:

- (20) Di atas nama persaudaraan Islam, lalu *berkumpul* dan *berpisah* mereka kemudian *berkumpul* lagi lalu *berpisah* lagi. (5.2)

Maksud dalam contoh ayat (20) di atas adalah jelas bahawa tujuan berkumpul dan berpisah itu haruslah dilakukan kerana Allah. Pengulangan perkataan *berkumpul* dan *berpisah* ini menggambarkan bahawa perlakuan ini memang biasa dilakukan untuk memperteguh persaudaraan sesama Islam. Bagaimanapun, dalam teks kajian ini, kajian ini, aktiviti *berkumpul* dan *berpisah* ini hanya terjadi pada hari Jumaat. Pada waktu lain, surau di kampung tersebut amat jarang dikunjungi, iaitu sebagaimana yang terkandung dalam contoh (15) di atas, *kesunyian*.

RUMUSAN GAYA BAHASA BERUNSUR ISLAM

Jika dihubungkan dengan garis asas sastera Islam yang dikemukakan oleh Shahnnon, teks sastera kajian ini mempunyai amanat yang jelas, iaitu mengajak manusia kembali kepada Islam. Penggunaan bahasanya pula mudah dan tepat, selain teknik penceritaan yang tidak terlalu berkias. Dalam erti kata lain, teks kajian ini memenuhi garis asas tersebut, sekaligus wajar dikategorikan sebagai karya sastera yang berunsur Islam.

Analisis leksikal menunjukkan bahawa unsur bahasa yang berunsur Islam terdiri dari jenis kata nama dan kata adjektif. Dalam hal ini, pengarang lebih cenderung menggunakan kata nama yang berunsur Islam berbanding kata adjektif. Terdapat sejumlah 17 kata nama, misalnya, *takbir* dan *surau*, berbanding 7 kata adjektif, misalnya, *fasik* dan *munafik*.

Penggunaan kata nama berunsur Islam ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu nama am dan nama khas. Nama am, misalnya, *surau* dan *masjid* [+ tempat] merujuk kepada tempat beribadah dan *takbir* (+ proses), iaitu proses memuji Allah. Nama khas pula terdiri daripada komponen makna, misalnya, *Bukit Judi* [+ tempat], Allah [+ Tuhan], *Nabi Nuh a.s.* [+ Nabi], *Saidina Hussain* [+ tokoh Islam], *Asyura* [+ peristiwa]. Analisis kajian ini memperlihatkan bahawa teks sastera Melayu berunsur Islam lebih cenderung menggunakan nama khas berbanding nama am.

Bagi kata adjektif pula, pengarang menggunakan perkataan tertentu, misalnya:

fasik → munafik → zalim → zindik → kafir

untuk menggambarkan sifat manusia yang [- iman], dan telah dibezakan dengan *muslim* [+ iman]. Hal ini menunjukkan bahawa dalam teks sastera berunsur Islam, kata adjektif berfungsi untuk menerangkan sifat seseorang. Perkataan ini juga telah disusun mengikut hirarki yang sesuai, iaitu bermula dengan fasik (- ingkar) sehinggalah membawa kepada kafir (- percaya).

Seterusnya, hal yang agak menarik perhatian saya ialah kesan artistik dalam teks ini yang masih berbau sastera. Maksudnya, teks ini masih berjaya mengekalkan nilai sasteranya, walaupun mesejnya berunsur Islam. Hal ini terbukti melalui penggunaan gaya bahasa yang mengulang-ulang. Pengulangan perkataan, frasa atau ayat tertentu lebih bertujuan untuk memberi penegasan tentang sesuatu subjek. Misalnya, pengulangan frasa *manusia yang mengaku dirinya beriman* (5.1 dan 7.4) pada bahagian akhir setiap ayat merupakan sindiran tentang sifat kepura-puraan manusia. Begitu juga dengan pengulangan kata kerja peristiwa *merayakan* dan *mengingati* dalam ayat 6.4 yang bertujuan untuk menimbulkan keinsafan kepada manusia. Dalam perenggan terakhir (perenggan ke-7), pengarang mengajak pembaca bersetuju dengan hakikat bahawa Tuhan lebih mengetahui segalanya, iaitu melalui pengulangan unsur *tetap* dalam tiga ayat terakhir: *Tuhan tetap berkuasa, tetap meletakkan manusia pada tarafnya* dan *tetap mengasingkan perjuangan manusia mukmin dan sebaliknya*. Seterusnya pemilihan perkataan yang jelas kontras dari segi makna juga berjaya memberi kesan artistik - *kesunyian* dengan *keriuhan* yang dirujuk kepada surau dan berunsur sinis, frasa *zaman senang* yang berkontras dengan *zaman susah*; dan *masa libur* yang berkontras dengan *masa kesedihan*.

Dari segi teknik penceritaan pula, pengarang tidak mengungkapkan sesuatu peristiwa secara berlebih-lebihan. Misalnya, qadak dan qadar Tuhan dibandingkan dengan peristiwa embun-embun yang tetap kalah dengan kekuatan cahaya matahari, iaitu bagi menggambarkan kekuasaan Tuhan. Subjek *sungai* pula berfungsi untuk menggambarkan kepelbagaian jenis manusia yang wujud di kampung tersebut, yang akhirnya bersatu di dalam sungai tersebut. Akhirnya, pengarang telah menggandingkan subjek *surau* dengan perkataan *tua* dan *uzur*, iaitu bagi maksud terlalu usangnya surau tersebut. Gaya personifikasi ini mudah difahami dan sesungguhnya telah menimbulkan kesan estetik terhadap karya ini.

KESIMPULAN

Makalah ini telah memperlihatkan bahawa senarai penguji (*checklist*) bahasa yang ditetapkan dalam makalah ini, iaitu leksikal, gramatikal dan bahasa kiasan dapat menonjolkan aspek gaya bahasa dalam sesuatu karya. Bagi karya yang berunsur Islam, unsur leksikal, gramatikal dan bahasa kiasan yang digunakan oleh pengarang haruslah dapat dihubungkan dengan Islam. Hubungan ini dapat ditunjukkan oleh, misalnya gambaran sifat seseorang muslim atau peristiwa yang berkaitan secara langsung dengan Islam. Karya "Mereka yang Tertewas" ini didapati menggunakan unsur leksikal yang berfungsi untuk menggambarkan sifat manusia yang tidak beriman, yakni "yang tertewas", misalnya *fasik* dan *munafik*. Pengaruh Islam dalam karya ini semakin ketara apabila pengarang

menggunakan beberapa peristiwa dalam sejarah Islam, misalnya maulidar-Rasul s.a.w. dan Asyura sebagai peringatan kepada mereka (manusia) yang tertewas (ingkar). Berdasarkan beberapa ciri ini, maka karya ini wajar dianggap karya sastra Melayu yang berunsur Islam. Bagaimanapun data bahasa yang dibincangkan dalam makalah ini agak terhad. Dengan data yang lebih besar, besar kemungkinannya gaya sastra Melayu yang berunsur Islam dapat ditonjolkan, sekaligus dapat pula memperkukuhkan teori sastra Islam di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Kamal Abdullah. 1989. *Unsur-unsur Islam dalam puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasanuddin Md. Isa. 1988. *Mereka yang tertewas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. N. & M. Short. 1981. *Style in fiction*. London: Longman.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Gaya nominal vs gaya verbalm dalam *Prosiding Serantau Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu*, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi & Dewan Bahasa dan Pustaka, 22-23 Oktober 2001, Cakera Padat.
- Nurazmi Kuntum. 1991. Teori dan pemikiran sastra Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Short, M. 1996. *Exploring the language of poems, plays and prose*. London: Longman.

LAMPIRAN 1

- 1.1 Kedatangan pagi.
- 1.2 Kabus tetap akan menerjah ke langit.
- 1.3 Bertebaran lalu bertembung dengan cahaya matahari pagi menerbitkan cahaya perak yang berkilau-kilauan.
- 1.4 Kabus yang terkuak buat menelus cahaya matahari di celah-celah molekul-molekulnya menggegarkan kekuatan embun-embun di dada dedaun.
- 1.5 Akhirnya ibarat gadis yang kelesuan, embun-embun itu tetap menyerah kalah kepada kekuatan cahaya matahari, lesu, kaku, bisu dan begitulah setiap hari seolah-olahnya itulah qadak dan qadar Tuhan yang mustahil akan berubah sifatnya.
- 2.1 Kampung Bukit Setugal tetap berdiri megah sebagai pelindung, penampung dan penyampai segala hasrat suka duka penghuninya.
- 2.2 Di atas sejalar tanah yang terbentang dibangunkan pelbagai tanaman dan bangunan tempat membuang keringat dan berehat penghuninya.
- 2.3 Tanah sawah, tanah getah, tanah dusun dan tapak rumah yang masing-masing daripada penduduknya memiliki sekangkang kera.
- 2.4 Di situ, merdekalah mereka memugar dan menggemburi tanah tersebut dengan sekehendak hati mereka.
- 2.5 Bertahun-tahun mereka begitu lalu jajaran pokok-pokok kelapa, getah dan pelbagai pepohonan menabiri pematangan mata.
- 3.1 Sebatang sungai mengalir di puncak Bukit Setugal ia berpunca.
- 3.2 Sungai itu membelah tanah-tanah sawah yang terbentang sesayup mata memandang.
- 3.3 Aur-aur yang menumpang berdiri di tepi-tepi tebing sungai itu meliuk-liuk dedaunnya bergeseran setelah ditiup angin.
- 3.4 Sungai Cheneor yang secara tidak rasmi dinamakan oleh peneroka awal Bukit Setugal, setiap hari sejak wujudnya, ia tetap matang, waras dan dewasa dengan pengalamannya.
- 3.5 Airnya yang deras tetap menghanyutkan sampah-sarap, membiakkan anak-anak baung, temalian, kenerap, patin, jelawat, sengiring, tilan, kelah, tapah, belida dan puluhan jenis ikan-ikan lagi.
- 3.6 Tetap juga ia menerima kehadiran aur-aur di tebingnya.
- 3.7 Tetap juga ia menerima manusia-manusia yang mulia, yang berdosa, yang zalim, yang munafik.
- 4.1 Empat puluh tahun sejak dibuka, Kampung Bukit Setugal bagaikan manusia yang telah mencapai usia matang dan dewasanya.
- 4.2 Tempoh yang sepanjang itu telah merakamkan kisah suka duka manusia.
- 4.3 Hidup mati, bercinta, berkasih sayang, bertunang-lanang, berlaki dan bercerai-berai, bermenantu, bercucu, malah tempoh itu juga telah menyaksikan ada penduduk Kampung Bukit Setugal yang berbini dua, berbini tiga dan berbini empat.
- 4.4 Gelak tawa dan tangis kesedihan, kelazatan dunia dan kesukaran kehidupan adalah anugerah Tuhan yang silih berganti datang dan pergi, begitulah

- masa dan sejarah Bukit Setugal berlalu tanpa dapat dihentikan.
- 5.1 Pada sebuah surau yang dibina di atas nama gotong-royong, berdiri pada mukmin, fasik, munafik, zalim, zindik dan segala manusia yang mengaku dirinya beriman.
 - 5.2 Di atas nama persaudaraan Islam, lalu berkumpul dan berpisah mereka kemudian berkumpul lagi lalu berpisah lagi.
 - 5.3 Begitulah seolah-olahnya suatu kemestian setiap Jumaat atau hari-hari kebesaran.
 - 6.1 Surau itu telah uzur!
 - 6.2 Sudah ada ura-ura sebuah bangunan bernama masjid yang akan menggantikannya, berperanan dengan peranan yang tidak ada sedikit ubahnya dengan peranan surau tua itu.
 - 6.3 Surau tua itu sudah uzur!
 - 6.4 Di situ tidak lagi seramai mana manusia yang datang berkenduri-kendara, merayakan maulidar-Rasul s.a.w. atau merayakan Asyura bagi mengingati kejayaan kap Nabi Nuh a.s. yang berjaya berlabuh di Bukit Judi atau juga merayakan Asyura sekadar mengingati kematian berdarah Syaidina Husain r.a. di bumi Karbala.
 - 6.5 Sejak akhir-akhir ini kesunyian lebih banyak menemani surau tua itu daripada keriuhan takbir, tahmid dan tasbih ke hadrat Allah.
 - 7.1 Itulah kehidupan.
 - 7.2 Itulah juga sunah alam.
 - 7.3 Zaman senang dan zaman susah, masa libur dan masa kesedihan.
 - 7.4 Semuanya adalah ujian dan cubaan kepada keimanan yang mengaku dirinya beriman.
 - 7.5 Tuhan tetap berkuasa.
 - 7.6 Dia tetap meletakkan manusia pada tarafnya.
 - 7.7 Tuhan tetap mengasingkan perjuangan manusia mukmin, fasik, zalim, munafik dan perjuangan manusia kafir dalam menempuh perjalanan hidup mereka.

Latar diri penulis

Mohamad Fadzeli Jaafar ialah pensyarah di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang linguistik daripada Universiti Malaya. Bidang pengkhususannya ialah stilistik dan sintaksis, selain meminati beberapa bidang sublinguistik yang lain, misalnya, pragmatik dan bilinguasisme. Tulisannya pernah disiarkan dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, *Jurnal Bahasa Moden*, *Jurnal Sari*, *Jurnal Bahasa dan Jurnal Persatuan Linguistik*.

Mohammad Fadzeli Jaafar
Program Linguistik
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
fadzeli@pkrisc.cc.ukm.my